

Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil maklum keluhan dan masalah dihadapi oleh Persatuan Lawn Tennis Kuala Lumpur (Tenis KL) berhubung keadaan gelanggang tenis di Kompleks Sukan Titiwangsa.

Menterinya, Hannah Yeoh berkata, KBS menyerahkan sepenuhnya kepada pemilik fasiliti ber-

Kompleks Sukan Titiwangsa milik DBKL, bukan di bawah KBS

kenaan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, ini kerana dana dimiliki oleh KBS adalah terhad dan digunakan untuk keperluan sukan bagi negeri lain.

“Kami sudah memeriksa dan mengesahkan gelang-

gang berkenaan bukan di bawah KBS, tapi milik DBKL.

“Jabatan Belia dan Sukan akan memaklumkan perkara ini kepada DBKL. Tetapi sejak isu ini sudah dilaporkan oleh media, saya pasti mereka sudah sedar.

“Saya yakin DBKL sangat proaktif dalam hal berkai-

tan sukan. Sebagai contoh, mereka melihat keperluan untuk gelanggang pickleball dan mereka membina lebih banyak gelanggang berkenaan,” katanya.

Tegas Hannah, KBS menyalurkan RM1 juta kepada setiap negeri bagi tujuan penyelenggaraan de-

ngan setiap negeri mempunyai senarai keutamaan fasiliti untuk diuruskan setiap tahun.

Minggu lalu, akhbar ini melaporkan Tenis KL meluahkan kebimbangan mereka berhubung keadaan gelanggang latihan digunakan di Kompleks Sukan Titiwangsa mengalami ke-

retakan serius, dipenuhi lumut dan licin yang menjadikannya berbahaya untuk pemain muda menggunakannya.

Ini kerana mereka bergantung sepenuhnya pada gelanggang itu untuk menjalankan program pembangunan belia mereka setiap minggu.